

26 MAY 2001

Khair-Pelajar

PELAJAR DI LUAR NEGARA BOLEH MENJADI PERINTIS KEPADA PERUBAHAN

Oleh: Rizal Razali

LONDON, 26 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo mahu pelajar Malaysia di luar negara menjadi golongan perintis kepada usaha kerajaan membawa perubahan dan pembaharuan positif dalam sistem dan amalan kerja sedia ada.

"Dengan tahap IQ yang tinggi, mereka berupaya menjadi ejen pembawa masuk ilmu pengetahuan dan teknologi baru dari luar negara untuk diubah suai bagi kegunaan di negara sendiri," katanya.

Sebagai contoh, pelajar jurusan perakaunan boleh membawa ilmu perakaunan yang diperolehi ketika belajar di luar negara dan membuat perubahan bersesuaian untuk digunakan dalam sistem dan amalan perakaunan sedia ada apabila mereka menyertai jabatan kerajaan, katanya dalam sesi ramah mesra dengan 70 pelajar Malaysia yang menuntut di United Kingdom. Turut hadir pada majlis itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom, Datuk Haji Salim Harun dan Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia Dr Kamaruddin Mohd Nor.

Mohamed Khir berada di London dalam siri lawatan 14 hari misi penggalakan pelaburan dan pelancongan negeri Selangor ke Eropah Barat yang berakhir hari ini.

Beliau menyeru penuntut Malaysia di luar negara supaya menjadi lebih kreatif dan berinovasi dalam mencipta teknologi dan kemahiran baru bagi membantu negara menghadapi arus globalisasi dan persaingan pada alaf baru dengan lebih yakin.

Ini akan mewujudkan satu masyarakat tempatan Malaysia yang lebih dinamis dan berdaya maju dalam mengisi kehendak Wawasan 2020, katanya

"Pelajar akan membuat satu sumbangan yang bermakna jika amalan kerja mereka membolehkan masyarakat menikmati perkhidmatan lebih baik, cepat dan senang," katanya.

Mohamad Khir juga menasihatkan pelajar supaya sentiasa menjadikan perjuangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengekalkan kesejahteraan politik, sosial dan ekonomi negara sebagai inspirasi untuk berjuang mendapatkan kejayaan cemerlang dalam pelajaran.

Beliau juga berharap pelajar akan menanam semangat jati diri yang tinggi bagi menghadapi cabaran hidup di negara orang.

"Sebagai duta kecil dan sebagai cermin rakyat Malaysia di luar negara, jagalah nama baik negara. Tunjukkan kepada orang asing, kita rakyat Malaysia adalah masyarakat yang berakhlak, berakidah, berilmu, bersatu, bertoleransi dan mempunyai kekuatan ekonomi," katanya.

Mohamed Khir juga mengadakan sesi dialog soal-jawab bersama para pelajar itu yang bertanyakan mengenai perkembangan terbaru dalam negara.

-- BERNAMA

RIZ AZZ MAI